



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Jumaat, 25 November 2022**

<b>1</b>	Tiada kawalan kuota eksport telur
<b>2</b>	Kucing suci walau makan tikus

DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Punca bekalan kurang walaupun Malaysia catat 113 peratus pengeluaran

# Tiada kawalan kuota eksport telur

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Tiada kawalan kuota eksport telur akan terus menyebabkan bekalan tersebut tidak mencukupi di seluruh negara umumnya dan Selangor secara khususnya.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir. Izham Hashim berkata, ini disebabkan punca kenaikan nilai dolar Amerika Syarikat sehingga mendorong telur dieksport bagi mendapatkan keuntungan lebih baik.

"Kalau ikut tahap kemampuan saaraan diri bagi Malaysia, sebenarnya catatkan 113 peratus pengeluaran telur dan boleh mencukupi, namun bila tiada

**SIDANG DUN SELANGOR**

kawalan jadi tidak cukup.

"Tekanan disebabkan kejatuhan ringgit juga akan menambah lagi beban sebenarnya dari segi kos sara hidup," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas soalan **(PH-Bantagi)** yang ingin mengetahui sama ada inisiatif kerajaan negeri menerusi Jelajah Ehsan Rakyat (JER) tercapai dalam penurunan

harga barangan keperluan.

Izham yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pandan Indah menegaskan segala dasar dan polisi berhubung kawalan harga barang adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Tambah beliau, JER adalah program intervensi dengan matlamat membantu dalam masa segera bebanan yang ditanggung rakyat pada pasca pandemik.

"Setiap barangan keperluan harian yang dibawa dijual pada harga lebih rendah iaitu antara 28 hingga 30 peratus meliputi ayam, daging, ikan, telur, beras dan minyak masak.

"Setakat 30 Oktober lalu, lebih 200,000 penduduk Selangor telah menikmati manfaat daripada program JER," tegasnya.



**KETIADAAN** kawalan kuota eksport mengakibatkan berlaku kekurangan bekalan telur dalam negara. – GAMBAR HIASAN

**Tanya Mufti** Bersama DATUK DR. MOHD. ASRI ZAINUL ABIDIN

ANDA ada pertanyaan mengenai hukum atau kemusykilan dari sudut agama tentang apa jua perkara? Sila ajukan soalan kepada ruangan Tanya Mufti dalam akhbar Kosmo! menerusi e-mel [rencanakosmo@mediamulla.com.my](mailto:rencanakosmo@mediamulla.com.my)

## Kucing suci walau makan tikus

**APAKAH** hukum sengaja memberikan makanan yang haram kepada kucing peliharaan?

**JAWAPAN:**  
Sesuatu bahan yang tidak diketahui secara pasti kandungannya dihukum sebagai suci, melainkan setelah dapat dikenal pasti ia mengandungi najis.

Tiada hukum halal dan haram bagi kucing dalam bab makanan kerana haiwan tidak termasuk dalam kumpulan mukallaf.

Jika makanan kucing yang telah dipastikan itu mengandungi bahan haram atau najis dan ia pula dikendalikan oleh seorang Muslim, maka terkait pada Muslim itu hukum berkaitan sentuhan bahan yang bernajis.

Mulut kucing adalah suci walau apa yang dimakannya, selagi tidak terdapat kesan najis pada mulutnya.

Berdasarkan hadis Nabi SAW, kucing tergolong dalam kumpulan haiwan suci termasuk lelehan air

liurnya sekalipun pada kebiasaannya kucing memakan najis seperti tikus dan seumpamanya. Antara hadis tersebut. Darpada Kabshah binti Kaab bin Malik, dahulunya beliau isteri anak Abi Qatadah (Abdullah), beliau menceritakan bahawa Abu Qatadah ke rumahnya. Lalu beliau (Kabshah) mencurahkan air wuduk untuk Abi Qatadah, tiba-tiba datang seekor kucing lalu minum dari bekas air wuduk tersebut. Lalu Abu Qatadah menghulurkan bekas air tersebut kepada kucing itu agar ia dapat minum daripadanya. Kata Kabshah: "Beliau (Abu Qatadah) melihat daku memerhatikannya. Lalu beliau berkata:

"Apakah kamu hairan wahai anak perempuan saudaraku?" Aku menjawab. Ya. Lalu beliau berkata: "Sesungguhnya kucing bukan haiwan yang najis. Ia termasuk dalam kalangan haiwan yang sentiasa beriegar di sekitarmu." (Riwayat Abu Daud dan dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih Abi Daud)

Kesimpulannya, kucing tidak terkait dengan hukum makanan halal seperti seorang manusia yang mukallaf.

Jika bahan yang najis seperti makanan binatang bernajis terkena pada seseorang, maka dia hendaklah membersihkan mengikut kaedah membersihkan seperti ditetapkan dalam fiqah.



**TIADA** hukum halal haram bagi kucing dalam bab makanan kerana haiwan tidak termasuk dalam kumpulan mukallaf. – GAMBAR HIASAN